

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15

Sedia 758.47 hektar tanah bina ECRL

Sedia 758.47 hektar tanah bina ECRL

Shah Alam: Kerajaan negeri memperuntukkan tanah seluas 758.47 hektar untuk pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), membabitkan daerah Gombak, Klang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Infrastruktur negeri, Ng Sze Han, berkata laluan sepanjang 90.27 kilometer (km) itu membabitkan jajaran bertingkat sepanjang 27.84 km, arah tanah sepanjang 33.93 km dan terowong sepanjang 28.5 km.

“Bagi jajaran C1B, katanya, pembinaan projek hanya di daerah Gombak yang membabitkan laluan sepanjang 180.43 km,” katanya menjawab soalan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini semalam.

ECRL Selangor sudah dimuktamad

Beliau memaklumkan, jajaran C2 pula membabitkan daerah Gombak (158.33 km), Hulu Selangor (169.09 km), Kuala Selangor (118.78 km) dan Klang (131.82 km).

Dalam pada itu, Sze Han memberitahu, tiada perubahan jaja-

ran ECRL dalam Selangor seperti yang sudah dimuktamadkan pada 2020, iaitu membabitkan kawasan utara negeri ini.

“Jajaran ECRL di Selangor sudah dimuktamadkan agar menggunakan kawasan sebelah utara.

“Cadangan daripada kerajaan negeri untuk mengadakan satu lagi laluan rel di sebelah selatan sudah diberikan kepada kerajaan Persekutuan dan kita harap ia akan dipertimbangkan,” katanya turut memaklumkan, kerajaan negeri berharap cadangan membina satu lagi laluan rel di selatan Selangor mendapat pertimbangan kerajaan Persekutuan.

Sebelum ini, Selangor memiliki jajaran selatan membabitkan Hulu Langat, Sepang dan Pelabuhan Klang untuk laluan ECRL, namun bersetuju menerima cadangan pembangunan di jajaran utara dengan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar dan impak sosial.

Mei lalu, bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, dilaporkan berkata projek ECRL sepanjang 665 km dengan kos anggaran RM50.27 bilion dijangka siap pada 2026.